

Headline	Ibu tua keliru dengan prosedur kakitangan Tabung Haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jul 2014	Color	Black/white
Section	Letters	Circulation	178,211
Page No	23	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	197 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,591
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,773



Ibu tua keliru dengan prosedur kakitangan Tabung Haji

SAYA seorang warga emas telah membuka akaun Tabung Haji untuk keempat-empat anak saya sejak mereka kecil lagi melalui tabung amanah.

Alhamdulillah, sekarang mereka sudah dewasa dan bekerja; dua orang di luar negara dan dua lagi dalam negara tetapi berlainan negeri dengan saya. Tiap-tiap bulan mereka tidak pernah lupa menghantar wang perbelanjaan untuk saya bersama wang untuk simpanan ASB dan Tabung Haji akaun mereka.

Dahulu tidak ada masalah apabila saya membuat transaksi simpanan wang/kemaskini buku untuk Dividen/Bonus (bayangkanlah sudah bertahun-tahun lamanya) tapi sekarang terasa fobia hendak ke Tabung Haji.

Sekarang pihak bank termasuk Tabung Haji memerlukan "Surat Wakil" daripada pemegang akaun sekiranya mewakilkan orang lain termasuk ibu bapa sendiri ketika membuat transaksi simpanan wang atau untuk mengemas kini buku akaun.

Untuk simpanan wang pihak bank/Tabung Haji akan mengambil wang yang diberi tetapi hanya akan mencetak di atas "borang simpanan" sahaja, tidak boleh mencetak di dalam buku akaun tanpa "Surat Wakil" atau pemegang akaun itu hadir sendiri.

Saya faham dan akur dengan peraturan tersebut. Saya beritahu anak-anak saya. Mereka pun poskan "Surat Wakil" masing-masing untuk kegunaan saya apabila berurusan kelak.

Pada bulan pertama peraturan dikuatkuasakan (mengikut kata staf kaunter Tabung Haji) saya hanya perlu membawa "Surat Wakil" yang ringkas yang telah ditandatangani oleh pemegang akaun iaitu anak saya, cuma tunjukkan kepada staf tersebut tiap-tiap kali membuat transaksi simpanan wang atau untuk kemaskini buku akaun. Semudah itu! Senangnya hati saya.

Pada bulan berikutnya apabila saya membuat urusan simpanan wang, staf kaunter Tabung Haji (bukan staf yang sama) hendak mengambil terus "Surat Wakil" asal

yang saya tunjukkan kepadanya.

Katanya, dia perlu simpan dalam fail "Surat Wakil" tersebut.

Beliau juga memberitahu saya bahawa saya mesti bawa "Surat Wakil" yang asal - bukan fotokopi untuk diserahkan kepada Tabung Haji setiap kali berurusan.

Saya beritahu beliau yang bulan lepas staf dia kata cuma tunjukkan sahaja surat tersebut bukan mengambil terus untuk disimpan dalam fail.

Kalau dia ambil terus saya sudah tidak ada lagi "Surat Wakil" asal

dalam simpanan saya. Ini benar-benar menyusahkan saya.

Saya beritahunya lagi kenapa bila saya berurusan dengan bank lain mereka cuma "melihat sahaja Surat Wakil" tersebut kemudian kembalikan kepada saya semula.

Kata beliau "peraturan bank tidak sama dengan Tabung Haji"

Satu lagi yang saya keliru kenapa "lain kakitangan lain prosedur?" Apakah prosedur standard Tabung Haji?

RAKANT.HJ
Kuantan, Pahang